

31 JUL 2002

LID-bersih

LANGKAWI TINGKAT KEBERSIHAN SAMBUT PESERTA LID

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Kebersihan di sekitar pulau pelancongan ini dipertingkatkan bagi menyambut kedatangan para pelawat untuk Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2002 yang bermula esok.

Tempat tarikan pelancong terutama pantai menjadi tumpuan Majlis Perbandaran Langkawi (MPL) Bandaraya Pelancongan dalam program kebersihan itu.

Timbalan Yang Dipertua MPL Bakar Din berkata gerakan itu dilakukan sebagai persiapan untuk menyambut ketibaan peserta termasuk ketua-ketua kerajaan dan para pegawai kanan negara-negara peserta.

Antara tempat itu ialah Pantai Chenang, Telaga Tujuh dan Pantai Kok.

Kira-kira 400 peserta dijangka menghadiri dialog empat hari itu bertempat di Pelangi Beach Resort.

Pengerusi Persatuan Teksi Langkawi, Yusof Abdullah berkata para pengunjung dijamin perkhidmatan teksi yang secukupnya.

Katanya lebih 400 teksi kini beroperasi di pulau ini.

Pengusaha chalet Din Latif juga menarik nafas lega dengan penganjuran persidangan itu yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata kesemua 26 chaletnya di Pantai Tengah habis ditempah mulai semalam hingga 5 Ogos ini.

Pengarah Urusan Mahamas Travel & Tour Sdn Bhd, Rosmi Haji Siru berkata syarikatnya menyediakan 90 kenderaan termasuk kereta, bas dan van untuk kegunaan persidangan terbabit.

Kenderaan itu mula digunakan hari ini hingga 5 Ogos.

-- BERNAMA

ZI AZZ LAT